

TARIKH	6 / 12 / 2016	SEKSYEN	184
MUKA SURAT	4	RUANGAN	

## → ISU

# Arab Saudi batal yuran visa haji, umrah

Fakta  
nombor

RM2,150

Caj visa jemaah haji dan umrah kali kedua

RM3,220

Caj visa kemasukan rakyat asing bagi visa tempoh enam bulan

**Riyadh:** Pemerintah Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz, Sabtu lalu mengisytiharkan pembatalan yuran visa haji dan umrah berkuat kuasa serta-merta, demikian menurut Ahli Jawatankuasa Tertinggi Haji dan Umrah negara itu, Nasir Toruk.

Keputusan membatalkan yuran yang baru diperkenalkan Oktober lalu dibuat susulan protes rakyat Mesir dan umat Islam di negara lain yang menyifatkannya sebagai mahal, lapor *Alborsa News*.

Selain pembatalan caj yang baru dikenakan, Arab Saudi akan memberikan dua visa percuma kepada

setiap syarikat berlesen yang terbabit dalam bidang haji dan umrah.

Kerajaan Arab Saudi menaikkan kadar caj visa haji dan umrah berkuat kuasa 2 Oktober lalu.

### Percuma bagi jemaah kali pertama

Ogos lalu, kerajaan Arab Saudi mengumumkan struktur baharu visa ke negara itu. Jemaah haji dan umrah yang menunaikan ibadah itu kali pertama dibenar melaksanakan secara percuma, namun dikenakan bayaran 2,000 riyal (kira-kira RM2,150) seorang

bagi kali kedua.

Bayaran caj visa kemasukan rakyat asing dinaikkan kepada 3,000 riyal (RM3,220) bagi visa tempoh enam bulan, 5,000 riyal (RM5,370) bagi visa setahun dan 8,000 riyal (RM8,597) bagi visa dua tahun.

Caj bagi visa transit pula ditetapkan pada kadar 300 riyal (RM320).

Sementara itu, pihak berkuasa Arab Saudi menggesa kerajaan Mesir melakukan reformasi ke atas badan yang mengawal dan mengendalikan bidang pelancongan agama.

Bekas Ketua Jawatankuasa Pe-

lancongan Agama Mesir, Basel Al-Sisi, berkata pembatalan caj itu akan memberi kesan positif kepada sektor pelancongan agama, sekali gus menyifatkan tindakan Arab Saudi itu sebagai 'langkah positif ke arah yang betul'.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa pihaknya belum menerima sebarang notis rasmi berhubung keputusan itu, sambil mendakwa apa yang berlaku kini hanya berdasarkan laporan media dari pihak Arab Saudi.

Al-Sisi berkata demikian walaupun pengumuman rasmi sudah dibuat oleh Nasir Toruk. **AGENSI**